

PERATURAN-PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH  
PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

**1. Permohonan**

- 1.1 Semua permohonan menjalani Latihan Industri adalah melalui **Sistem Pengurusan Latihan Industri (SPLI) KEJORA** yang boleh diakses melalui pautan <http://spli.kejora.gov.my>. Sebarang bentuk permohonan melalui surat tidak akan diproses;
- 1.2 Semua permohonan perlulah sekurang-kurangnya dua (2) bulan dari tarikh menjalani Latihan Industri di KEJORA. Segala permohonan yang kurang daripada tempoh tersebut tidak akan diijazahkan oleh sistem SPLI;
- 1.3 Permohonan yang telah diterima/ diluluskan perlulah mencetak **Surat Setuju Terima** beserta dokumen lain yang berkaitan semasa melaporkan diri;
- 1.4 Bagi pemohon yang ingin membuat **Pembatalan Penempatan** perlulah mengemaskini permohonan secara on-line melalui Sistem SPLI. Sebarang bentuk permohonan penempatan semula Latihan Industri tidak akan diproses;

**2. Bayaran Elaun Dan Peralatan**

- 2.1 Jabatan ini tidak **menyediakan bayaran elaun dan kemudahan tempat tinggal kepada pelajar**;
- 2.2 Pelajar juga dicadangkan untuk membawa kemudahan peralatan seperti Laptop untuk kegunaan harian.

**3. Kehadiran**

- 3.1 Pelajar Praktikal hendaklah hadir bertugas pada setiap hari bekerja mengikut masa yang ditetapkan. Hari bekerja adalah bermula dari Ahad hingga Khamis. Bagi hari **Ahad hingga Rabu, waktu bekerja adalah bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Manakala hari Khamis bermula Jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang.**

Nota: Adalah diingatkan tindakan akan diambil kepada pelajar yang hadir lewat lebih dari tiga kali dalam sebulan.

#### **4. Cuti**

- 4.1 Pelajar Praktikal tiada kelayakan memohon cuti rehat. Walau bagaimanapun, sebarang cuti yang benar-benar diperlukan perlulah terlebih dahulu mendapat kelulusan Penyelia dan Ketua Jabatan;
- 4.2 Pelajar Praktikal diminta memaklumkan dengan segera kepada Penyelia sekiranya berlakunya kecemasan dan mendapatkan surat kebenaran cuti dari jabatan;
- 4.3 Pelajar Praktikal yang bercuti tanpa kelulusan/pengetahuan jabatan dianggap telah melanggar peraturan organisasi dan akan dilaporkan kepada pihak Institusi Pendidikan untuk tindakan;
- 4.4 Pelajar hanya boleh memohon cuti kecemasan maksimum tiga (3) hari sahaja. Namun, permohonan cuti melebihi had yang ditetapkan adalah tertakluk kepada budi bicara Penyelia dan Ketua Jabatan;

#### **5. Tanda Nama**

- 5.1 Pelajar Praktikal dikehendaki sentiasa memakai tanda nama yang diberikan sepanjang tempoh menjalani latihan industri di jabatan ini.

#### **6. Etika berpakaian**

- 6.1 Pakaian bagi Pelajar Praktikal lelaki adalah sebagaimana berikut:
  - i. Baju kemeja lengan panjang;
  - ii. Tali Leher;
  - iii. Seluar slack panjang berwarna hitam/ biru gelap; dan
  - iv. Kasut bertutup.
- 6.2 Pakaian bagi Pelajar praktikal wanita adalah sebagaimana berikut:
  - i. Baju kurung @ Baju Kebaya Longgar;
  - ii. Pakaian hendaklah tidak menjolok mata;
  - iii. Bertudung; dan
  - iv. Berkasut tutup.
- 6.3 Pelajar Praktikal adalah ditegah sama sekali daripada memakai '*jeans*' atau seluar pendek serta memakai selipar semasa bekerja;

#### **7. Tatakelakuan dan Integriti**

- 7.1 Pelajar Praktikal dikehendaki mematuhi arahan organisasi dari masa ke semasa sepanjang menjalani Latihan Industri di jabatan ini;
- 7.2 Setiap Pelajar Praktikal hendaklah mempunyai integriti dan kawalan diri yang tinggi;

## 8. Lawatan Penyelia/ Pensyarah

- 8.1 Pelajar Praktikal perlulah memaklumkan kepada Penyelia di Bahagian/ Unit dan Urusetia sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh lawatan Penyelia/ Pensyarah ke KEJORA;

## 9. Pertanyaan

- 9.1 Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

**Unit Kualiti, Latihan Dan Kompetensi,  
Bahagian Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia**

BIL.	NAMA	JAWATAN	NO TELEFON	EMEL
1	Pn. Rosni Binti Nawawi @ Jusoh	Penolong Pengurus	07-8843053	rosni@kejora.gov.my
2	En. Muhammad Syazwan Bin Sabarudin	Penolong Pegawai Tadbir	07-8843150	syazwan@kejora.gov.my
3	En. Mohamad Azri Bin Mohamad Bakri	Pembantu Tadbir (P/O)	07-8843139	azri@kejora.gov.my

